



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“WASPADA FAHAMAN EKSTREMISME”**

**Tarikh Dibaca :**

**3 JAMADIL AWAL 1442H /**

**18 DISEMBER 2020**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَاهَةٌ بِكَمَالٍ وَأَنْ إِسْلَامٍ مَلِيًّا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## “WASPADA FAHAMAN EKSTREMISME”

3 JAMADIL AWAL 1442H / 18 DISEMBER 2020

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينَهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ. قَالَ تَعَالَى أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ: قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي  
دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا  
عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ۗۗ (المائدة 77)

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala yang perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk “**Waspada Fahaman Ekstremisme**”.

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Allah SWT menciptakan seluruh alam dengan sifat-Nya yang Maha Pemurah (al-Rahman) dan Maha Pengasih (al-Rahim). Allah SWT memerintahkan umat manusia untuk berlaku adil, lemah-lembut dan beradab dengan pekerti yang tinggi antara sesama manusia walaupun berbeza agama, keturunan, dan bangsa.

Rasulullah SAW pernah bersabda dalam sebuah hadis:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ أَرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مَّن فِي السَّمَاءِ

**Mafhumnya:** *“Orang-orang yang menyayangi akan disayangi oleh Dzat Yang Maha Penyayang. Sayangilah manusia yang ada di muka bumi, nescaya Dzat yang ada di atas langit (Allah) akan menyayangi kamu”.* **(Hadis riwayat Muslim)**

Hadis ini menegaskan tentang konsep rahmat yang harus membumi dalam sistem kehidupan manusia. Rahmat ini tidak akan wujud melainkan dengan ilmu yang bermanfaat berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW.

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Ideologi radikal kumpulan atau fahaman ekstremis ini tidak hanya berlaku dari sudut fizikal seperti mengangkat senjata, pemberontakan atau revolusi, tetapi turut berlaku dalam bentuk kefahaman, kepercayaan dan ketaksuban yang boleh menyebabkan seseorang berani menghukum sesiapa sahaja yang bertentangan atau tidak sependapat dengan mereka sebagai kafir atau halal darahnya.

Abdullah bin Mas'ud RA meriwayatkan dari Rasulullah SAW, bahawa Baginda bersabda:

هَلَكَ الْمُتَنَطِعُونَ

**Mafhumnya:** *“Celakalah orang-orang yang ekstrem (melampauai batas)!”.* Baginda mengucapkannya sebanyak tiga kali. **(Hadis riwayat Muslim)**

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Tidak dinafikan terdapat pelbagai siri penghinaan terhadap Islam yang berlaku telah melukakan hati dan perasaan seluruh umat Islam. Walau bagaimanapun, keganasan seperti membunuh atau mencederakan orang lain atas nama Islam bukanlah penyelesaian utama bahkan ia hanya memburukkan lagi keadaan dan ia juga bukan ajaran Islam. Semasa Rasulullah SAW melaksanakan dakwahnya, Baginda dan umat Islam lain ketika itu telah berhadapan dengan bermacam bentuk tentangan dan penganiayaan. Namun, Rasulullah SAW tetap melaksanakan dasar ketabahan dan respon berhikmah. Natiujahnya, semakin Islam ditekan dan dicemuh dengan pelbagai tohmahan, umat Islam semakin bertambah. Bahkan dalam peperangan juga Allah SWT mengingatkan supaya tidak melampaui batas sebagaimana yang terkandung dalam Surah al-Baqarah ayat 190:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ١٩٠

**Maksudnya:** *“Dan perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas”.*

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Setiap anggota masyarakat memainkan pelbagai peranan sama ada ibu bapa, pendidik, rakan sebaya, pemimpin agama dan sebagainya. Kita berperanan memberi contoh teladan terbaik dan mempromosikan nilai-nilai seperti saling menghormati, dan pekerti tinggi dalam interaksi seharian. Peranan ini tidak terhenti dalam interaksi bersemuka, bahkan termasuk juga dalam dunia maya seperti media sosial. Sentiasalah peka dan bertimbang rasa dalam melontarkan pandangan supaya tidak menyentuh isu-isu yang sensitif seperti isu agama dan perkauman. Tuntutlah ilmu dengan sebenar supaya dengannya, kita dapat menilai antara yang hak dan yang batil.

Sebagai sebuah Negara yang bermasyarakat majmuk, perpaduan menjadi indikator terpenting dalam merealisasikan keamanan dan keharmonian. Kita juga mesti

menekankan sikap toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain. Toleransi pula bukanlah bermaksud kita berdiam diri apabila dihina atau dicabar, namun ia bermaksud kita mengambil pendekatan proaktif dan bukannya reaktif, serta berhikmah dalam menyelesaikan sebarang konflik. Kehormatan dan kesucian Islam tidak dapat dipulihkan dengan keganasan, kekerasan, pembunuhan dan pemberontakan.

Ingatlah bahawa proses menyatukan masyarakat pelbagai kaum di Negara ini menuntut pengorbanan yang tinggi dalam kalangan anggota masyarakat. Perpaduan yang dikecapi melalui penghayatan nilai-nilai seperti belas kasihan dan toleransi perlu ada dalam jiwa setiap rakyat. Tanpa nilai-nilai tersebut, hilanglah nikmat hidup bermasyarakat dan bernegara seterusnya membuka ruang kepada musuh melaksanakan agenda mereka.

Firman Allah SWT:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ۝ إِنَّمَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَتَلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوهُمْ وَمَن تَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۝

**Maksudnya:** "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk

mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.” (Surah al-Mumtahanah ayat 8 dan 9)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُولِيَا  
سري قدوك بكنيدا يَغْ دُفرتوان اكوغ ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى  
بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُولِيَا سري قدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوغ،  
تونكو (Tunku) حابه عزيزة امينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على  
الله سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah Yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap makhluk. Justeru, kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada Engkau ya Allah! Tempat kami merintih dan bermunajat.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.